

04 SEP 1997

Anwar-ujian

KEALPAAN MEMBAWA KEHANCURAN, KATA ANWAR

KUALA LUMPUR, 4 Sept (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata keperluan untuk memperkukuhkan barisan dalam Umno semakin mendesak terutama semasa negara menghadapi pelbagai ujian ekoran kejayaan yang dicapainya selama ini.

"Inilah waktunya semangat perjuangan kita diuji," kata Anwar, yang juga Timbalan Presiden parti, sambil menggesa anggota Umno supaya lebih bersemangat dan sepakat mendukung usaha pemimpin untuk menjawab tentangan ekonomi yang getir.

Menurutnya, semua pihak perlu "berdiri sederap, bahu membahu" untuk menyokong kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menggilap kembali keyakinan terhadap kejitian ekonomi untuk terus berkembang.

Beliau berkata perbuatan fitnah, sikap angkuh dan sifat lupa daratan, kealpaan dan mudah berasa selesa, di samping ancaman dari luar, sebagai bahaya yang boleh membawa kehancuran dan kemunduran bangsa.

Katanya, kejayaan yang dikecapi selama ini boleh lenyap sekelip mata jika tidak berwaspada.

Peringatan Anwar mengenai ancaman terhadap negara dibuat ketika kerajaan sedang sedaya upaya merangka strategi menghadapi "perang ekonomi" ekoran serangan terhadap ringgit dan manipulasi pasaran saham.

"Nampaknya kita masih belum menghayati pelajaran dari segala peristiwa yang telah menghancurkan kerajaan Melaka dahulu; kisah Si-Kitul dan Raja Mandaliar yang sering kita sebut-sebut acapkali kita mengadakan perhimpunan.

"Kita masih menganggapnya sebagai hikayat dahulu kala yang tiada kaitan dengan apa yang berlaku di sekitar kita hari ini," katanya semasa merasmikan serentak Perhimpunan Agung Pemuda dan Wanita Umno di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

"Kegagalan untuk memanfaatkan pelajaran dari sejarah amat berbahaya. Ia membuat kita alpa terhadap keadaan kita sebenarnya. Kita dibuai mimpi khayal, seolah-olah apa yang kita nikmati kini tidak akan ada hujungnya.

"Kita menjadi angkuh dan menyakini kita sudah kebal dari sebarang ancaman dari dalam dan dari luar," katanya.

Beliau mengajak rakyat menolak sikap angkuh yang disalah anggap sebagai kekuatan, dan menurutnya, sikap rendah diri, berwaspada dan berhati-hati adalah kekuatan yang sebenarnya.

Timbalan Perdana Menteri berkata usaha membangunkan ekonomi hendaklah atas landasan prinsip keadilan dan ihsan dengan mengutamakan perjuangan membasmi kemiskinan, pengagihan kekayaan dan merapatkan jurang antara desa dan wilayah.

"Janganlah sikap tamak dan gelojoh untuk merebut menjadi tokoh korporat melupakan kita kepada nadi perjuangan bangsa," katanya.

Anwar meminta kedua-dua pergerakan Pemuda dan Wanita sentiasa berada di barisan hadapan parti dalam perjuangan menangkis serangan dari dalam dan luar.

"Kedua-dua pergerakan ini perlu sentiasa kebal dan bersatu. Jika perpaduan kita mantap, kita akan berupaya melawan segala taufan pancaroba," katanya. -- BERNAMA

MOK AHH